

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

SOALAN NO. 78

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- a) statistik penyertaan pemain industri dalam menjalin kerjasama dengan pihak universiti dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan universiti tempatan; dan
- b) usaha yang dijalankan bagi menggalakkan pemain-pemain industri untuk mengambil tanggungjawab bersama dalam mengembangkan nilai dan bakat pekerja tempatan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan bahawa penyertaan pemain industri di dalam membentuk dan memperkukuhkan sistem pendidikan tinggi negara adalah selaras dengan perkembangan teknologi di peringkat global. KPM juga telah menjalin kerjasama secara terus dengan industri yang terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran.

Selain daripada kerjasama industri dengan KPM, penglibatan industri dengan institusi turut dilaksanakan iaitu melalui platform penasihat industri (*industry advisor*) dalam program pengajian. Adalah dianggarkan bilangan kerjasama industri dengan institusi sendiri adalah lebih tinggi iaitu dengan melibatkan anggaran 1,000 kursus pengajian di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan 8,500 kursus pengajian di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Secara dasarnya, penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum dan penambahbaikan berterusan (*continous improvement*) kursus pengajian adalah sangat digalakkan supaya kursus pengajian yang ditawarkan oleh institusi kekal relevan dengan industri semasa dan akan datang.

KPM turut menyediakan platform yang memberikan galakan kepada pihak industri di dalam menyumbangkan kepakaran mereka kepada pihak universiti. Pelbagai program kerjasama yang terjalin antara pihak industri dan Kementerian dengan bermatlamat ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan dan berfokus kepada program berimpak tinggi. Antaranya adalah melalui pengenalan *Academia Talent Exchange Programme (AI-xChange) :CEO@ Faculty Programme*, di mana pelajar-pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademia dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan industri-industri terkemuka antarabangsa serta

tempatan. Sehingga kini, program ini telah berjaya mendapat penyertaan seramai 72 orang CEO yang terdiri daripada pelbagai sektor industri.

Antara keberhasilan dan impak dalam pengajaran dan pembelajaran melalui *Academia Talent Exchange Programme (AI-xChange) :CEO@ Faculty Programme* adalah mahasiswa berpeluang memahami dunia sebenar melalui perkongsian pengalaman CEO daripada segi pengurusan pentadbiran, kepimpinan dan teknologi di lapangan. Perkongsian amalan terbaik dari sudut pandangan CEO membolehkan pelajar berfikir lebih kreatif dan inovatif serta berupaya berfikir di luar kotak, seterusnya mewujudkan pembelajaran lebih holistik. Ini akan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan ketidaksepadanan di dalam penawaran dan permintaan pasaran kerja. Selain itu juga, integrasi dan sinergi antara tenaga pakar industri dengan penyelidik universiti dan pelajar dapat diwujudkan. IPT juga berjaya beralih daripada beroperasi secara bersendirian kepada *quadruple helix* iaitu ekosistem inovasi yang saling berkaitan antara akademik, industri, kerajaan dan komuniti yang telah membentuk perkongsian sumber untuk pembangunan negara.

Di samping itu juga, beberapa inisiatif jalinan kolaborasi antara akademik dan industri telah dilaksanakan demi melahirkan graduan yang sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa adalah seperti berikut :

1. Engineering@UM-Industrial *Innovation Centre* di kampus UM yang mengandungi makmal industri yang menempatkan fasiliti *research and development* bagi kegunaan bersama para jurutera syarikat, penyelidik universiti, staf universiti dan pelajar. Syarikat-syarikat yang terlibat merangkumi penyertaan daripada lima syarikat global iaitu Motorola Solutions bagi bidang *wireless technology*, Daikin bagi bidang *air-conditioning*, Ossur bagi bidang *orthopedic*, Rohde & Schwarz bagi bidang *wireless communication* dan Proton bagi bidang *automotive*.
2. Samsung Malaysia bekerjasama dengan Universiti Teknikal Melaka (UTeM) dengan menubuhkan Samsung '*Internet of Things*' (IoT)

Academy yang memberi impak positif kepada universiti dan juga syarikat Samsung. Pewujudan akademi ini memberi inspirasi dan membuka ruang yang luas kepada generasi muda untuk mendapat pendedahan dan dilatih menjadi usahawan teknologi seterusnya melahirkan lebih ramai tenaga mahir mengikut spesifikasi yang diperlukan di samping memberi nilai tambah kepada graduan universiti tempatan.

3. Ericsson Malaysia telah bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) membentuk sebuah pusat iaitu UTM-ERICSSON IC5G berhubung *Research & Development* dalam teknologi 5G bagi rantau Asia Tenggara yang juga merupakan pertama seumpamanya di Malaysia dan terletak di kampus UTM Kuala Lumpur. Pusat ini mempunyai inovasi 5G, makmal penyelidikan 5G serta ruang pembelajaran 5G. Ericsson dan UTM telah bersetuju untuk membantu di dalam hubungan penyelidikan, pertukaran perdagangan dan maklumat dengan matlamat untuk bekerjasama di dalam projek penyelidikan bersama dan untuk merealisasikan impak 5G ke atas industri serta masyarakat. Pusat ini akan membantu memacu negara menjadi pusat kecekapan dan inovasi untuk 5G. Melalui perkongsian akademia-industri ini, para penyelidik dari UTM dan Ericsson akan bekerjasama dalam menyumbang ke arah pembangunan industri 5G, khususnya untuk konteks Malaysia. Tiga aktiviti kolaborasi utama yang dilaksanakan ialah meliputi:
 - a) Penyelidikan & Pembangunan;
 - b) Latihan Berorientasikan Keperluan Industri; dan
 - c) Pameran Teknologi.
4. CIMB Investment Bank dengan kerjasama UiTM Segamat Johor pula telah menyediakan *CIMB Trading Room* bagi mewujudkan ruang suasana pembelajaran secara praktikal bersama penglibatan industri. Matlamat penubuhan *trading room* ini adalah untuk membolehkan pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan mempraktikkan segala teori

pembelajaran yang ditimba secara terus dengan menggunakan platform itrade@CIMB sebagai platform pelaburan sebenar.

5. Firma perakaunan Salihin Associates dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu dan Universti Teknologi MARA mewujudkan Teaching Accounting Firm (TAF) di dalam universiti. Konsep *Teaching Accountancy Firm* ini melibatkan pelajar Sarjana Muda Perakaunan yang ditempatkan di TAF seawal tahun 2 pengajian yang mengikuti pembelajaran perakaunan mengikut jadual yang telah disusun.
6. Pelaksanaan program Pusat Kecemerlangan Industri (*Industry Centre of Excellence*, ICoE) bagi meningkatkan kolaborasi antara IPT dengan pihak industri melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri kepada pelajar dan tenaga pengajar IPT. Program ICoE merupakan kaedah pendedahan secara *hands-on, soft skill* dan *hard skill* kepada pelajar dan tenaga pengajar mengikut kehendak khusus dari pihak industri. Salah satu program ICoE yang berjaya dilaksanakan ialah *Microsoft Professional Program Data Science* iaitu dengan kerjasama *Microsoft* Malaysia bertujuan melatih seramai 240 orang pelajar di dalam bidang pengetahuan sains data. Kurikulum yang ditawarkan sepanjang latihan adalah bersifat *industry-leading curriculums* dan di akhir program pelajar akan diberikan sijil profesional daripada pihak *Microsoft* yang diiktiraf oleh pihak industri.

Sekian, terima kasih.

RT11/78